

Mahathir kpd ahli2 UMNO:Gunakan saluran2 tertentu jika hendak mengeritik para pemimpin parti

KUALA TRENGGANU, Jumaat. — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasehatkan ahli-ahli UMNO berhenti mengkritik pemimpin-pemimpin parti secara terbuka untuk menjamin keutuhan parti.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian Ulu Nerus di Kubang Badak, 15 batu dari sini, Dr. Mahathir melahirkan rasa dukacitanya kerana masih ada ahli-ahli UMNO yang tidak menggunakan saluran-saluran yang ditentukan oleh parti untuk menyuarakan penentangan mereka.

Katanya, saluran-saluran ini diadakan bukan bertujuan menyekat ahli-ahli dari pada bersuara, tetapi untuk menjamin perpaduan dalam parti.

Katanya, terdapat kini pemimpin-pemimpin UMNO mengkritik tindak-tanduk Kerajaan seolah-olah Kerajaan sekarang dikuasai oleh parti pembangkang.

Sebagai contoh, Dr. Mahathir menyebut Akta Penyelarasan Perindustrian yang dituduh kononnya mengurangkan pelaburan

di negara ini sedangkan akta tersebut dibuat oleh Kerajaan yang disokong oleh UMNO.

Katanya, UMNO mempunyai majlis tertinggi dan perhimpunan agungnya di mana anggota-anggota parti dapat membetulkan apa yang salah.

Jika kecaman-kecaman ini dibuat melalui saluran-saluran yang ditentukan perpaduan di dalam UMNO akan terus kokoh dan pemimpin-pemimpin parti tidak akan menjadi lemah.

Tulang belakang

Kata Dr. Mahathir, UMNO mempunyai peraturan dan ahli-ahli mestilah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Parti.

Jika seseorang ahli menentang polisi-polisi pemimpin mereka secara terbuka, pihak musuh dan orang-orang luar parti akan menganggap Kerajaan lemah dan tidak disokong oleh parti.

Ini akan menyebabkan Kerajaan sukar bertindak untuk kepentingan rakyat di

mana pemimpin-pemimpin akan teragak-agak sebelum membuat sebarang keputusan kerana mahu menjaga popularitinya.

Bila keadaan ini timbul, pentadbiran negara ini akan terjejas kerana kerajaan tidak boleh bertindak tegas.

Kata Timbalan Perdana Menteri, Bangsa yang kuat di dunia ini hanya akan lahir jika kerajaan mereka kuat.

Katanya, UMNO mestilah sentiasa kuat kiranya ia mahu terus menjadi tulang belakang Barisan Nasional.

Ini tidak bermakna orang-orang Melayu mesti menurut semua kehendak pemimpin mereka.

"Mereka harus menderhaka apabila keadaan mendesak. Tetapi keadaan sekarang tidak memerlukan mereka berbuat demikian," tambah beliau.

Kata Dr. Mahathir, penderhakaan hanya dibuat apabila keadaan memaksa seperti para pemimpin rasuah atau lupa kepada agama dan mabuk di tepi jalan.

Tambah beliau, bangsa Melayu kekal selama ini kerana tertib dan perlulah tertib ini diamalkan.